



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH DESA PERDANA PERINGKAT NEGERI 2017  
BAGI ZON TENGAH DAN SELATAN**

**DEWAN PERDANA, TAMPIN  
NEGERI SEMBILAN**

**18 JULAI 2017 (SELASA)  
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **ALUAN-ALUAN**

YB Dato' Seri Shaziman Abu Mansor  
Ahli Parlimen Tampin.

Yang Berhormat Exco-Exco Luar Bandar

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Pengerusi-Pengerusi JKKK dan JK KOA

Pemimpin-pemimpin Masyarakat, dan

Sidang Hadirin sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia**

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita bersama –sama melafazkan syukur kehadiran Allah SWT, kerana dengan limpah dan izinNya jua, kita dapat hadir dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri bagi **Zon Tengah dan Selatan** yang diadakan pada petang ini. Ini adalah program kedua setelah selesai majlis penyampaian anugerah bagi Zon Utara yang telah diadakan pada minggu lepas di Negeri Perak.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada semua wakil yang mewakili kampung-kampung dari negeri **Selangor, Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan serta kampung Orang Asli** yang telah melayakkan diri mewakili negeri masing-masing. Pada hari ini akan diketahui kampung mana yang akan dinobatkan sebagai pemenang bagi negeri masing-masing. Sudah tentu dalam menjayakan program ini pelbagai pihak terlibat menggembleng tenaga dari awal hinggalah ke hari ini. Untuk itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, kerajaan negeri, kepimpinan peringkat daerah dan kampung, jabatan dan agensi serta semua yang membantu KKLW secara langsung dan tak langsung.

3. Kepada kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi tuan rumah kepada majlis pada hari ini khususnya **Yang Berhormat Ahli Parlimen Tampin, Yang Berhormat Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor**, saya amat berterima kasih dan sangat menghargai segala kerjasama yang diberikan dalam menjayakan majlis pada hari ini. Kepada kepimpinan kampung yang telah bertungkus-lumus berusaha dan membimbing penduduk kampung untuk memajukan kampung masing-masing hingga ke tahap ini, saya berharap ia tidak hanya setakat untuk menyertai pertandingan semata-mata, malahan diteruskan sehinggalah semua kampung di negara ini berdaya maju dan menjadi destinasi yang menarik untuk di diami dan dilawati.

#### **ANUGERAH DESA PERDANA**

4. Program yang diadakan dalam bentuk pertandingan ini adalah untuk menyemarakkan proses **pendayaupayaan masyarakat** (*community empowerment*) dikalangan penduduk kampung. Selain itu ianya juga sebagai latihan kepada pemimpin di peringkat akar umbi untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan urustadbir kampung. Ini adalah antara inisiatif yang diberikan tumpuan dalam Program Transformasi Luar Bandar khususnya di bawah pemerkasaan JKKK/JKKKP. Selain itu usaha seperti ini adalah untuk mengiktiraf sumbangan dan komitmen warga desa dalam memajukan kampung dan masyarakat setempat. Melalui inisiatif seperti ini, kerajaan berupaya mengukur tahap kejayaan tadbir urus desa khususnya dari segi kebijaksanaan memanfaatkan sumber bagi kesejahteraan warga desa.

5. Program Anugerah Desa Perdana ini telah melalui beberapa fasa sejak diperkenalkan pada tahun **1987** yang pada waktu itu dikenali sebagai Pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung (PKKK), kemudiannya Pertandingan Desa Cemerlang pada tahun 2000, Anugerah Desa Cemerlang pada 2005, Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (2014) sehinggalah pada tahun 2017 dikenali **Anugerah Desa Perdana**. Setiap fasa tersebut dibuatkan penambahbaikan bersesuaian dengan kehendak semasa. Tujuannya adalah untuk mewujudkan mekanisme pertandingan yang menyeluruh, sistematik dan konsisten bagi mencapai matlamat iaitu **pertama**: untuk melahirkan masyarakat desa yang berdaya saing, berinisiatif, berilmu, berdikari dan mempunyai disiplin kerja yang tinggi. **kedua**: untuk menyuburkan semangat patriotisme dan nilai-nilai murni di kalangan penduduk

kampung dan **ketiga**: untuk memastikan kelestarian dalam aspek sosial dan ekonomi kampung.

6. Pada tahun ini sebanyak **582 kampung bertanding di peringkat daerah, 159 kampung di peringkat negeri** manakala **peringkat kebangsaan nanti akan diwakili oleh 23 kampung** mewakili kategori Kampung Tradisional termasuk rumah panjang dan Kampung Orang Asli.

7. Seperti semua sedia maklum, penghakiman dan pemarkahan dalam pertandingan ini dibahagikan kepada beberapa aspek penilaian iaitu patriotisme dan kemasyarakatan, kepimpinan dan pentadbiran, pendidikan dan latihan, ekonomi dan keusahawanan, pemeraksanaan peranan belia, teknologi maklumat dan komunikasi, kebersihan, kesihatan dan keceriaan kampung serta pengawasan kemudahan asas kampung.

8. Kemuncak kepada program ini ialah **Anugerah Desa Perdana Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada 22 Ogos 2017** di Kuala Lumpur yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. Sudah tentu semua kampung yang mewakili negeri masing-masing beriltizam untuk meraih kejayaan dan menjadi kampung terbaik di negara ini. Walau bagaimanapun saya ingatkan di sini, adat pertandingan akan ada kalah dan menang, saya berharap kepada yang menang akan terus mengekalkan kecemerlangan untuk menjadi teladan kepada yang lain, manakala yang tidak menang, pergiatkan usaha untuk meraih kemenangan di masa akan datang.

## **URUSTADBIR DESA YANG EFISIEN**

9. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor penentu kejayaan sesebuah kampung, rumah panjang dan apa juga institusi masyarakat yang lain, ia sangat bergantung pada kecekapan kepimpinan atau urus tadbir yang tidak lain tidak bukan diterajui oleh barisan JKKK atau institusi yang diiktiraf oleh komuniti berkenaan, misalnya ketua Kaum, Ketua Masyarakat atau JKK Orang Asli bagi perkampungan Orang Asli. Institusi ini adalah tunjang atau nadi dalam menentukan pembangunan kampung dan komuniti luar bandar. Insititusi JKKK misalnya telah diwujudkan pada tahun 1962 di bawah Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar masih relevan sehingga sekarang. Malahan, kita di KKLW sentiasa menyediakan program-program transformasi untuk menjadikan institusi ini agen transformasi luar bandar yang berkesan.

10. Antara aspek yang diberikan penekanan ialah memperkukuhkan kepimpinan dan kecekapan tadbir urus. Ini kerana kepimpinan di peringkat akar umbi adalah pemangkin kepada pembangunan negara. Selain merangka program-program untuk meningkatkan kualiti kecekapan mengurustadbir kampung dan masyarakat, kita menyediakan pelbagai insentif dan peluang untuk dimanfaatkan bagi tujuan memajukan kampung masing-masing.

11. Sepanjang tahun 2017, KKLW telah dan sedang melaksanakan program latihan yang komprehensif kepada JKKK dalam program **Sijil Tadbir Urus Desa**. Program ini dilaksanakan oleh **Institut Kemajuan Desa (INFRA) bersama-sama Universiti Kuala Lumpur** khusus untuk melahirkan JKKK yang profesional dan berpengetahuan. Dalam program ini, mereka diberikan latihan dan pengetahuan berasaskan modul khas meliputi Pelan Strategik Desa, Pentadbiran Desa dan Pengurusan Kewangan, Pemantauan Projek, Keusahawanan dan Tanggungjawab sebagai Penolong Pendaftar Pemilih. Setakat ini seramai hampir **3000 JKKK** telah dilatih secara intensif pada peringkat pertama program ini akan tamat pada akhir bulan ini. Mereka yang telah menamatkan program ini bakal menerima sijil yang akan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Ogos nanti. Lualan juga disediakan kepada mereka yang berminat untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti tempatan khususnya di peringkat Diploma dan Ijazah.

12. Bagi memberi kemudahan kepada kepimpinan JKKK dan JKKKP mempunyai akses terus kepada saya untuk menyalurkan pandangan dan aspirasi, saya telah mewujudkan satu saluran komunikasi yang saya namakan **Majlis Muafakat Desa**. Melalui platform ini kepimpinan kampung boleh berinteraksi terus dengan saya dan pegawai-pegawai kanan di KKLW untuk menyalurkan pandangan dan maklumbas perkara-perkara atau isu pengurusan kampung.

13. Saya berharap segala inisiatif yang dibuat dapat memacu pembangunan kampung yang akhirnya akan memberi kesejahteraan kepada rakyat di luar bandar. KKLW akan terus berusaha untuk menyediakan pelbagai ruang dan peluang kepada rakyat di luar bandar demi kesejahteraan mereka. Ini selaras dengan visi dan misi yang dinyatakan dalam RMK11 untuk memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar akan terus ditingkatkan merentasi kedudukan geografi.

14. Tanggungjawab ini perlu dilaksanakan secara berterusan kerana keluasan Malaysia masih didominasi oleh luar bandar. Hampir **70 peratus atau kira-kira 161,826 kilometer persegi keluasan Malaysia dikategorikan sebagai luar bandar** dari jumlah 231,180 kilometer persegi keluasan Malaysia. Jumlah penduduk

luar bandar yang perlu diberikan tumpuan ialah hampir 8 juta orang dari keseluruhan 30.5 juta orang penduduk Malaysia.

## **TRANSFORMASI LUAR BANDAR**

15. Bagi melonjakkan pembangunan luar bandar, saya telah memperkenalkan program transformasi luar bandar yang telah bermula pada akhir tahun 2015. Program ini yang memberi penekanan kepada 6 fokus utama iaitu prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian adalah langkah strategik KKLW untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat di luar bandar.

16. Saya berharap dan berdoa agar semua yang telah kita usahakan akan diakhiri dengan kejayaan. Selaras dengan visi menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, luar bandar perlu dibangunkan berasaskan kekuatan sumber sedia ada, infrastruktur yang baik dan ketekunan tenaga kerja untuk memacu kampung.

## **PENUTUP**

17. Akhir sekali saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada kepimpinan kampung yang telah meneraju kampung masing-masing tanpa penat dan lelah. Tahniah kepada yang akan menang dan jadikan kejayaan ini sebagai motivasi untuk lebih maju. Bagi yang kurang bernasib baik, tingkatkan usaha dan terus berazam.

18. Kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, saya mewakili KKLW mengucapkan terima kasih dan berharap kerjasama ini diteruskan dimasa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.